

Mesaj NAIB CANSELOR KEPADA ALUMNI UKM

Para alumni UKM yang disayangi, Lahirnya Universiti Kebangsaan Malaysia pada 18 Mei 1970 adalah hasil perjuangan dan semangat nasionalisme golongan cendekiahan sejak tahun 1920-an lagi. Pada tahun lepas, UKM telah menyambut jubli emasnya pada tanggal 18 Mei 2020. Sepanjang 51 tahun pemubuhannya, UKM telah berjaya melahirkan ramai alumni tersohor dan pemimpin berpengaruh dalam pelbagai bidang yang memacu kemajuan negara.

Pengisytiharan pandemik COVID-19 oleh WHO telah disambut dengan inisiatif pencegahan yang lebih agresif. Untuk memutuskan rantaian jangkitan wabak, Perdana Menteri Malaysia, YYAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Hj. Mohd Yassin telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang turut merangkumi arahan penutupan semua kilang, sekolah, pejabat kerajaan termasuklah institusi pengajaran tinggi (IPT). Kini kita semua sekali lagi berada dalam seketan pergerakan sepenuhnya dan sedikit sebanyak mengganggu pengoperasian di Universiti. Bagi pihak pengurusan Universiti, saya sentiasa mendoakan semua alumni berada dalam keadaan sihat walafiat bersama keluarga di mana jua anda berada.

Universiti Watan Kita

Situasi yang berlaku memerlukan kita semua bersatu dan bergerak seiringan dalam memastikan kebaikan seluruh warga universiti. Pelajar yang tinggal di kampus dijaga dari segi makan minum dan keperluan harian mereka. Pelajar juga sentiasa disaring bagi memastikan kesihatan mereka dipantau. Bantuan kepada para pelajar ini turut meliputi pelajar yang tinggal berhampiran di luar kampus. Selain itu, pembelajaran atas talian menggunakan pendekatan segerak dan tak segerak dijalankan bagi memastikan proses pengajaran sentiasa berterusan walaupun di mana jua pelajar berada. Jadual akademik baru juga telah diumumkan supaya proses pembelajaran pelajar berjalan dengan lancar.

Untuk membantu pelajar, pihak universiti telah melancarkan Tabung Sumbangan COVID-19 UKM. Alumni juga tidak terkecuali untuk turut menyumbang kepada tabung ini bagi membantu pihak universiti menjaga kebaikan para pelajar. Kami warga UKM berasa amat terharu dan berbangga dengan usaha dan keprihatinan alumni UKM yang sentiasa menyumbang semula kepada alma mater. Selain itu, Pusat Perhubungan Alumni turut menyampaikan sumbangan kepada pelajar-pelajar yang terperangkap di universiti ketika sedang menjalani latihan industri. Bantuan baik pulih komputer riba juga diberikan kepada 120 orang pelajar yang menghadapi masalah kerosakan peranti bagi melancarkan sesi pembelajaran secara atas talian.

UKM turut memainkan peranan penting dalam usaha membendung penularan COVID-19. Pelbagai inisiatif telah dilakukan antaranya penghantaran ubat melalui pos oleh Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HTCM), makmal Institut Biologi Molekul Perubatan UKM (UMBI) UKM dijadikan makmal ujian dianostik COVID-19 dan menghasilkan cecair pembasmi kuman (*sanitizer*) untuk kegunaan warga kampus. UKM juga melaksanakan saringan kepada sesiapa yang memasuki kampus di samping mengehadkan pergerakan keluar masuk ke kampus. Para sarjana dan intelektual UKM juga tidak terlepas untuk turut terlibat dalam temubual, sesi perkongsian dan penulisan dalam bidang kepakaran masing-masing berkaitan dengan COVID-19 sepanjang tempoh ini.

HCTM UKM dan kampus utama di Bangi telah diberi mandat oleh KPT untuk berfungsi sebagai salah satu pusat vaksinasi nasional. Sejak dibuka pada 5 Mei 2021, lebih daripada 100,000 orang mendapat vaksin di kampus. Sementara itu, HTCM UKM telah menjadi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Institusi Pengajaran Tinggi (IPT) kedua di negara ini yang memberikan vaksinasi melalui kaedah pandu lalu dan menjadi perintis dalam pemberian vaksin secara mobile. Program vaksinasi bergerak ini akan membantu mempercepatkan proses vaksinasi untuk mencapai imuniti kelompok yang lebih menyeluruh.

Putus Perhubungan Alumni UKM tidak ketinggalan membantu memberi keselesaan kepada petugas sukarelawan dan penerima vaksin di PPV UKM. Dengan kerjasama NGO Persatuan Belia Prihatin agihan sumbangan berbentuk kerusi roda, baju sejuk, beberapa unit penghawa dingin dan penyejuk udara, perisai muka, pelitup muka dan beberapa buah kanopi untuk ruangan solat, tempat menunggu dan lokasi menurunkan penumpang telah dapat dijalankan. Alumni UKM sentiasa berada di hati masyarakat melalui sokongan penuh kepada program utama universiti.

Dendaht Amarah Negara

Putus Perhubungan Alumni UKM melalui sumbangan alumni dengan Kejasama Fakulti, NGO dan syarikat alumni persendirian telah menyumbang sebanyak 4500 unit peralatan perlindungan peribadi (PPE) kepada hospital-hospital di Selangor, Kelantan, Negeri Sembilan dan Melaka termasuklah sumbangan menjahit PPE kepada Medical Mythbuster Malaysia (3M) untuk diagihkan ke hospital-hospital yang memerlukan. Selain daripada itu, Persatuan Persahabatan Malaysia-China (PPMC) bersama Kelab Bekas Mahasiswa Cina (KBMC) UKM turut menyumbangkan 11,000 unit topeng muka kepada Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HTCM).

#UKM51

Mengilhamkan harapan dan mencipta masa depan, UKM juga tidak ketinggalan dalam memperkenalkan inovasi baru bagi membantu barisan hadapan mengendalikan wabak ini secara berkesan. Antara hasil inovasi UKM adalah cecair pembasmi kuman yang murah dengan formulasi baru, peti intubasi orgonomik, pelindung muka, aplikasi mudah alih bagi ujian saringan kendiri dan pelantar sokongan psikologi pesakit COVID-19.

Putus Perhubungan Alumni UKM turut menggerak Misi Bantuan Kasih bersama alumni dalam membantu mangsa banjir di Kelantan, Pahang serta mengurangkan beban golongan B40 di Selangor. Sebanyak RM80 ribu sumbangan dikumpulkan bagi merealisasikan hasrat ini. Selain itu, sumbangan individu juga diberikan kepada keluarga alumni yang memerlukan. Alumni yang terkesan dari kelembapan ekonomi kerana wabak ini juga tidak ketinggalan untuk dibantu.

Teras UKM

Alumni sesebuah universiti memegang nama dan mewakili sesebuah universiti sepanjang hayatnya. Semangat ini seiringan dengan T.E.R.A.S yang memastikan bakat pelajar diserlahkan melalui pengurusan akademik yang tangkas dalam melahirkan graduan beretika dan berjiwa UKM. T.E.R.A.S ini menjadi kekuatan JIWA UKM yang meliputi TALENT, ETHICS, REVITALISE, AGILE and SOUL secara holistik. Ia menyatupadukan jiwa warga dan alumni UKM dalam memartabatkan universiti di persada kebangsaan dan antarabangsa.

Kebolehpasaran Graduan dan Penjanaan Pendapatan merupakan dua aspek utama yang perlu difikirkan bersama oleh setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam mengorak langkah sebagai sebuah universiti terbaik di Malaysia. Ia perlu didokong oleh satu perancangan yang strategik dan holistik dalam memastikan usaha yang dilakukan berkesan dengan impak yang maksimum.

Alumni dilihat mempunyai potensi yang besar untuk menyumbang kepada agenda ini. Kedua-dua agenda ini mampu membentuk kelestarian sesebuah universiti, menjadikannya sentiasa relevan dengan perkembangan semasa dan memenuhi keperluan pihak pemegang taruh. Oleh itu, keterlibatan alumni dan industri dalam semua aspek adalah sangat penting dalam memberikan keyakinan kepada mereka terhadap kualiti graduan yang akan dihasilkan kelak.

Dana Wakaf UKM

Projek Dana Wakaf Alumni UKM merupakan sebuah projek penjanaan untuk kelestarian Putus Perhubungan Alumni dalam menganjurkan aktiviti yang melibatkan alumni yang memberi manfaat kepada universiti khususnya para pelajar. Dana Wakaf Alumni UKM juga sebagai satu simbolik betapa kukuhkan hubungan alumni dengan universiti.

Dana tersebut akan dilaburkan dan keuntungan tahunan akan digunakan untuk 1) Penyelenggaraan dan kelestarian Kompleks Alumni UKM; 2) Penyediaan/pembakal pulih prasarana keperluan pelajar; 3) Penganguran program pembangunan kompetensi pelajar; 4) Kebajikan pelajar dan alumni dalam bentuk biasiswa dan bantuan khas; 5) Anugerah pelajar dan alumni cemerlang; serta 6) Menyokong aktiviti keterlibatan alumni termasuk persatuan alumni.


Peranan alumni penting dalam pembangunan universiti. Alumni boleh menyumbang dalam pelbagai aspek demi kebaikan pelajar, graduan, alumni, universiti dan juga masyarakat. Alumni merupakan aset kepada universiti, sumbangan dan keterlibatan mereka penting dalam meningkatkan reputasi universiti di persada antarabangsa. Justeru saya memohon jasa baik semua alumni untuk terus bersama-sama universiti dengan menyumbang ke Tabung **Sumbangan Dana Wakaf Khas/Endowment**

**Alumni, Bank Islam 12029010081005
(Universiti Kebangsaan Malaysia)** Sumbangan tersebut digunakan untuk membantu universiti dalam memberikan yang terbaik kepada pelajar, alumni dan masyarakat.

Kami percaya akan ada banyak lagi sumbangan alumni yang mendatang bagi membantu barisan hadapan negara menghadapi wabak ini. Putus Perhubungan Alumni UKM sentiasa menganjurkan aktiviti dan program yang menarik bagi memastikan hubungan kita sentiasa akrab dan kukuh. Alumni Cemerlang Universiti Hebat, Alumni Menyumbang Universiti Mantap!

Akhir kata, saya doakan agar semua alumni terus istiqamah untuk menyumbang kepada masyarakat dan bersabar menghadapi dugaan ini. Semoga kita semua sentiasa dilindungi rahmat dan keberkatan dari Illah.

Sekian Terima Kasih



Ikhlas

YBHG. PROF. DATO' TS. DR.
MOHD EKHWAN HJ. TORIMAN
Naib Canselor UKM

UKM51

UKM51 UKM51 UKM51 UKM51 UKM51

A L U M N I - U K M

UKM51 UKM51 UKM51 UKM51 UKM51

www.ukm.my